

Media item

Full Text

Penyelidikan vaksin di peringkat bukti konsep

Harian Ekspres (KK), Malaysia by Bernama

14 Dec 2021

Tempatan - Page 0 - 228 words - ID my0046377453 - Photo: No - Type: -

Size: 152.00cm²

Penyelidikan vaksin di peringkat bukti konsep USAHA penyelidikan vaksin buatan negara masih di peringkat awal pembangunan iaitu bukti konsep ('proof of concept'), Dewan Rakyat diberitahu pada Isnin. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata bagi vaksin messenger ribonucleic acid (mRNA), aktiviti terkini adalah calon vaksin akan menjalani proses in-vitro transcription, melibatkan pelbagai ujian makmal yang kompleks. "Seterusnya, aktiviti terkini berkaitan penyelidikan vaksin virus ternyahaktif pilih dan penambahan bahan khas iaitu adjuvan untuk meningkatkan tindak balas vaksin," katanya. Beliau menjawab soalan Abdul Latiff Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai) berhubung perkembangan terkini vaksin buatan negara jenis mRNA dan peruntukan RM5 juta bagi penyelidikan serta pembangunan (R&D) vaksin yang diberikan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM). Mengulas lanjut, Ahmad Amzad berkata penyelidikan vaksin Covid-19 jenis mRNA melibatkan penyelidik di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), sementara kerjasama antara IMR, Institut Penyelidikan Veterinar dan UPM melibatkan kajian berkaitan pembangunan vaksin teknologi virus ternyahaktif. Beliau berkata Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menyalurkan dana bagi membiayai dua projek melibatkan projek Construction of Recombinant Newcastle Disease Virus Expressing Receptor Binding Domain (RBD) Protein of Sars-Cov-2 Virus as a Vaccine Candidate di bawah UPM. Di bawah IIM pula, projek yang dibiaya ialah Development of Modular Mucosal Vaccine Platform Using Generally Regarded as Safe (GRAS) Bacteria Against COVID-19. Kedua-dua projek ini katanya melibatkan jumlah permittikan sebanyak RM4.9 juta melalui geran MOSTI Combating Covid-19 Fund (M(X:OF). - Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.